

17 JAN 1997

Muhyiddin-Kompleks

PROJEK KOMPLEKS SUKAN KEBANGSAAN MENGIKUT JADUAL

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Pembinaan Kompleks Sukan Kebangsaan berharga RM679 juta adalah mengikut jadual dan penganjur Sukan Komanwel mempunyai masa yang secukupnya untuk menguji dan memasang peralatan, kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Segalanya berjalan dengan licin dan saya gembira dengan hasil kerja. Saya yakin UEM (United Engineers Malaysia Berhad yang merupakan kontraktor utama) akan menyiapkan kerja-kerja itu mengikut jadual," katanya kepada pemberita selepas meninjau kemajuan projek itu di Bukit Jalil hari ini.

Muhyiddin berkata stadium utama, yang boleh memuatkan 100,000 penonton, dan kompleks akuatik akan disiapkan menjelang akhir tahun ini atau beberapa bulan lebih awal daripada jadual.

Beliau berkata kementerian akan menjemput Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat kompleks itu pada bulan depan untuk melihat sendiri pemasangan bumbung di stadium utama itu.

Beliau berkata kerja-kerja di perkampungan sukan dan stadium tertutup berjalan lancar manakala pembinaan kompleks skuasy dimulakan baru-baru ini tetapi beliau yakin ia dapat disiapkan sebelum bermulanya Sukan Kuala Lumpur.

Stadium hoki, yang dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya dan terletak berhampiran Lebuhraya Shah Alam, hampir siap dan akan diserahkan kepada kementerian menjelang akhir bulan ini, kata Muhyiddin.

"Kami akan meminta PHM (Persekutuan Hoki Malaysia) untuk menguji kemudahan di sini sebelum pusingan kelayakan Piala Dunia pada bulan Mac," katanya.

Beliau berkata penyiapan kompleks itu lebih awal daripada jadual akan memberi peluang kepada Sukom Ninety Eight Berhad dan persatuan-persatuan sukan untuk menguji kemudahan itu sebelum bermulanya temasya sukan sebenar pada September 1998.

Bagaimanapun, katanya, mereka akan meminta UEM memperuntukkan 200 bilik tambahan di perkampungan sukan itu berikutan kemasukan acara boling dan beberapa acara lain.

Mengenai lanskap kompleks itu, Muhyiddin berkata pakar perunding sedang menyiapkan laporan dan kerja-kerja akan disambung semula pada akhir tahun ini.

"Kita mahu kerja-kerja terhadap lanskap itu dimulakan pada tahun ini agar kita mempunyai sebuah kawasan yang indah apabila temasya sukan itu bermula," kata Muhyiddin.

Beliau berkata pokok-pokok dan bunga yang digunakan perlu mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Muhyiddin memuji Persatuan Automobil Malaysia (AAM) kerana menandatangani perjanjian dengan Dorna dan Two Wheels Promotion Limited untuk menganjurkan kejohanan Grand Prix Motosikal Dunia di Shah Alam selama lima tahun mulai tahun ini.

"Saya berharap mereka dapat menjalankan tanggungjawab itu dengan jayanya," katanya.

Semalam, AAM dilantik sebagai penaja dan penganjur grand prix itu, yang dijadualkan pada 13 April. Ia mengambil alih penajaan dan penganjuran daripada kerajaan negeri Selangor yang tidak memperbaharui kontrak dengan pengelola antarabangsa GP dunia Dorna-TWP. -- BERNAMA

AR AKD